

Buku Tatakelakuan Kumpulan Kokuyo
CODE OF CONDUCT

Senario Masa Depan

Masyarakat Berdisiplin dan bekerjasama

Nilai-nilai
Nilai
Perasaan dan
Membangun Bersama
Budaya Eksperimen
Rekaan Pengalaman

Sebab kewujudan
Matlamat
Meramalkan
kerja dan hidup masa
depan yang mengujakan

Visi jangka panjang

WORK & LIFE
STYLE Company

Anjakan ke "Model Pengurusan
Morimoto"

Visi Korporat

be Unique.

Kokuyo ingin terus mencetuskan kreativiti, dan
menyerlahkan karakter dalam masyarakat.



KOKUYO CO., LTD.

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuroda Hidekuni

TOP MESSAGE

Dengan berasaskan matlamat "amalan kerja dan kehidupan masa depan yang mengujakan," Kumpulan Kokuyo menetapkan visi jangka panjang "CCC2030", dan meneruskan pelbagai usaha dengan bermatlamat menjadi syarikat pelbagai industri yang berkembang secara mampan.

Dengan latar belakang seperti ini, dalam kita menggiatkan usaha seperti perluasan cabang perniagaan dan pembangunan industri baru, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan serta menjalankan kegiatan syarikat dengan mematuhi nilai etika kemasyarakatan menjadi semakin penting.

Bagi menjalankan kegiatan syarikat, dalam perkara-perkara seperti kualiti produk, urusniaga yang merangkumi transaksi yang adil, alam sekitar, buruh, keselamatan dan kebersihan, standar perakaunan dan percuaihan, rasuah dan pengurusan maklumat, terdapat pelbagai undang-undang dan peraturan yang tergungkapakai.

Dengan sentiasa mempunyai kesedaran tentang "Tatakelakuan Kumpulan Kokuyo" ini, ia menjadikan kita dapat memenuhi janji kita dengan masyarakat untuk terus bergiat dengan ikhlas, serta menyumbang kepada pertumbuhan yang berterusan.

Untuk melindungi syarikat dan kita semua, serta berkembang bersama-sama, mari kita memahami "Tatakelakuan Kumpulan Kokuyo" ini dengan baik, dan menggunakan sebagai tulang belakang kegiatan sehari-hari kita.



Pematuhan Undang-undang dan Peraturan Dalaman Syarikat serta Kelakuan Yang Ikhlas



Menghormati Hak Asasi serta Keperibadian Manusia



Pemeliharaan Alam Sekitar Bumi



Persaingan Bebas serta Urusniaga Adil



Penyediaan Produk dan Perkhidmatan Yang Selamat dan Boleh Dipercayai



Pengurusan Aset Syarikat Yang Wajar dan **Perlindungan** Hak Harta Intelek



Pengurusan Maklumat serta **Laporan Kewangan** yang betul



Larangan Konflik Kepentingan



Larangan Perdagangan Orang Dalam



Pengurusan Hiburan dan Bertukar-tukar Hadiah yang Wajar



Reaksi Terhadap **Tuntutan** Yang Tidak Wajar Dari Luar

"Kumpulan Kokuyo" yang disebut di dalam Tatakelakuan ini, merujuk kepada KOKUYO Co.,Ltd. dan juga syarikat-syarikat yang tergolong dalam syarikat kawalannya yang ditetapkan dalam "Peraturan Asas Pentadbiran Kumpulan", syarikat teras kumpulan A, syarikat berhubungan kumpulan A serta syarikat teras kumpulan B.

"Undang-undang" di dalam Tatakelakuan ini ialah merujuk kepada undang-undang, ordinan dan peraturan dalam dan luar negara yang berkaitan dengan kegiatan industri kumpulan Kokuyo, sementara "Peraturan Dalam Syarikat" pula ialah merujuk kepada peraturan, regulasi, prosedur dan garis panduan yang digunakan bersama dalam Kumpulan Kokuyo ataupun digunakan di setiap syarikat Kumpulan Kokuyo.

"Pegawai" di dalam Tatakelakuan ini ialah merujuk kepada ahli lembaga pengarah dan auditor syarikat , sementara "Pekerja" ialah merujuk kepada individu yang mempunyai perhubungan diambil bekerja secara langsung dengan syarikat sebagai pekerja tetap, pekerja senior, pekerja kontrak, pekerja separuh masa dan pekerja sambilan.

Sekiranya berlaku perlanggaran terhadap Tatakelakuan ini, berdasarkan undang-undang dan peraturan dalam syarikat, langkah-langkah seperti tindakan disiplin boleh dijalankan.



Pematuhan Undang-undang dan Peraturan Dalaman Syarikat serta Kelakuan Yang Ikhlas

Kita sudah semestinya mematuhi undang-undang dan peraturan dalaman syarikat, dan juga bertindak dengan penuh beretika tinggi dan ikhlas.

Penjelasan

- Kita bukan sekadar mematuhi undang-undang dan peraturan dalaman syarikat, tetapi juga dituntut oleh para pemegang kepentingan untuk bertindak dengan penuh beretika tinggi dan keikhlasan.
- Sila berusaha untuk menyedari dan memahami semua undang-undang yang terpakai dalam kegiatan industri, dan mematuhi bersama-sama dengan peraturan dalaman syarikat.
- Ketika melakukan pertimbangan dalam perlaksanaan pengurusan dan bisnes serta operasi, memahami maklumat dengan tepat adalah perlu. Tindakan awal dalam langkah balas sewaktu berlaku masalah adalah sangat penting, dan tindakan awal itu boleh menentukan sama ada syarikat boleh dipercayai. Walaupun "maklumat yang tidak elok" (kerana sememangnya maklumat itu tidak elok) , silalah laporan dan berbincang dengan secepat mungkin, tanpa memanipulasi dan menyembunyikan fakta.
- Ketika berpindah kerja ke negara lain, atau melaksanakan bisnes yang berhubungan dengan negara lain, anda mesti tidak hanya sekadar mematuhi undang-undang negara itu, bahkan juga memahami serta menghormati budaya dan kebiasaananya.



Menghormati Hak Asasi serta Keperibadian Manusia

Kita tidak melakukan diskriminasi berdasarkan bangsa, kaum, agama, kewarganegaraan, bahasa, jantina mahupun kekurangan upaya.

Kita tidak melakukan perbuatan gangguan seperti gangguan seksual dan gangguan kuasa.

Kita tidak menerima buruh kanak-kanak dan buruh paksa.

Penjelasan

- Kita mesti jangan lupa untuk menghormati hak asasi manusia serta keperibadian setiap individu yang berhubung kait dengan bisnes kita baik di dalam maupun di luar syarikat. Kita juga mesti berusaha mendalami pemahaman tentang hak asasi manusia, bagi membina persekitaran kerja yang sihat.
- Maklumat yang berkaitan dengan privasi yang boleh diketahui di tempat kerja, tidak boleh didedahkan tanpa persetujuan jelas daripada individu itu sendiri terlebih dahulu.
- Perbuatan yang menyakiti atau mengganggu orang lain melalui kata-kata dan sentuhan tubuh berbaur seksual adalah dilarang.
- Dilarang menyalahgunakan kedudukan dan kuasa di tempat kerja sehingga menidakkannya hak peribadi dan kehormatan orang lain. Arahan serta perbuatan yg berlebihan sehingga memberi tekanan kepada pekerja lain adalah salah.
- Kumpulan Kokuyo tidak sekadar melarang buruh kanak-kanak dan buruh paksa di dalam syarikatnya, bahkan juga tidak menerima urusniaga dengan syarikat dan pertubuhan yang mengamalkannya.



Pemeliharaan Alam Sekitar Bumi

Kita akan mengambil langkah proaktif untuk menangani masalah-masalah persekitaran bumi, mulai dari pemanasan global dan pengurangan sumber perhutanan untuk merealisasikan masyarakat yang lebih mampan.

Penjelasan

- Pelan rasional bagi kitaran produk (Pemerolehan bahan mentah, pengilangan, penghantaran, pelupusan) dalam semua peringkat, perlu menumpu kearah pengurangan bahan kimia berbahaya serta pengurangan tenaga elektrik yang digunakan sewaktu penggunaan. Pertimbangan kepada alam sekitar yang wajar adalah respon kepada ciri-ciri khas setiap produk .
- Di tempat pengilangan dan pembinaan, sekiranya berlaku perlepasan bahan mentah dan bahan buangan ke persekitaran yang diakibatkan oleh kemalangan dan kerosakan fasiliti, ia boleh mendatangkan kesan yang mendalam kepada persekitaran, dan kerana itu mesti diberikan perhatian yang khusus.
- Khidmat logistik dan pembinaan banyak menggunakan tenaga elektrik dan sumber, serta menghasilkan bahan buangan. Maka usaha untuk mengurangkan impak buruk kepada persekitaran secara berterusan adalah menjadi satu kemestian.
- Tanpa mengira sama ada di dalam pejabat, tempat pengilangan, atau pembinaan, penjimatan elektrik, air, kertas, dan pengasingan sampah mestilah dijalankan. Perkara-perkara kecil seperti ini akan menghasilkan kesan yang besar apabila setiap orang menyedari perkara ini dan kemudian melaksanakannya. Ini lantas menyumbang kepada realisasi masyarakat yang lebih mampan.



Persaingan Bebas serta Urusniaga Adil

Kita mematuhi undang-undang dan peraturan dalam syarikat yang berkaitan dengan persaingan bebas dan urusniaga yang adil, dan tidak melakukan perbuatan yang lari daripadanya.

Penjelasan

- Banyak negara menetapkan undang-undang bagi menjalankan persaingan adil dan bebas di pasarnya. Adalah menjadi kewajipan untuk kita memahami bahawa perlanggaran undang-undang ini akan membawa impak yang besar kepada syarikat.
- Adalah dilarang untuk membuat perundingan atau kerjasama dengan syarikat lain untuk saling mengehadkan kegiatan industri yang bebas, seperti syarat pembidaan, harga produk, jumlah pengilangan, jumlah pembelian, dan saham.
- Perbuatan menyalahgunakan kedudukan yang lebih baik dalam urusniaga untuk meletakkan syarat urusniaga yang tidak membawa untung, serta pengehadan yang membataskan harga pembelian berkenaan dengan urusan dengan klien dan pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
- Penetapan pembekal dan pembelian hendaklah melalui pertimbangan pembandingan objektif berkenaan harga, kualiti, masa penghantaran, kemampuan pembekalan, perkhidmatan pasca pembelian, syarat-syarat pembelian dan lain-lain.
- Makluman yang tidak tepat dan mengelirukan pelanggan adalah dilarang.




Penyediaan Produk dan Perkhidmatan Yang Selamat dan Boleh Dipercayai

Kita sentiasa mengejar kepuasan dengan memberi respon kepada kepercayaan pelanggan, dengan membekalkan produk dan perkhidmatan yang selamat dan boleh dipercayai.

Penjelasan

- Kita mesti sentiasa menambah baik proses operasi dalam rantai nilai seperti pembangunan, rekaan, penghantaran, pengilangan, pembelian, pengedaran, dan sokongan bagi menghadapi perubahan di pihak pelanggan dan masyarakat serta berusaha meningkatkan keselamatan dan kualiti dengan sedaya upaya.
- Tanpa melupakan teritori sedia ada, kita juga berusaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman atas undang-undang berkaitan produk dan servis di teritori yang baharu, dan adalah menjadi kimestian untuk kita pada masa yang sama mematuhi peraturan dalam syarikat dan aturan.
- Kita mesti menyasarkan untuk memberikan penerangan dan maklumat yang tepat dan mudah difahami berkaitan keselamatan produk dan perkhidmatan serta persekitarannya kepada para pelanggan.



Pengurusan Aset Syarikat Yang Wajar dan Perlindungan Hak Harta Intelek

Kita menguruskan semua aset syarikat, tidak kira fizikal atau bukan fizikal, serta memelihara dan menggunakanannya secara wajar.

Kita menghormati hak harta intelek pihak lain.

Penjelasan

- Kita mesti menguruskan aset syarikat tanpa mengira fizikal atau tidak dengan mematuhi peraturan dalaman syarikat secara wajar, dan mencegah kehilangan, kecurian serta kebocoran. Malah, penggunaan/kegunaan aset syarikat bagi tujuan bukan bisnes, dan membawa keluar dari syarikat tanpa kebenaran serta memberikannya kepada pihak ketiga adalah dilarang.
- Kita mesti menghormati hak harta intelek pihak lain dan tidak melakukan perbuatan yang melanggarinya. Dalam penyelidikan, pembangunan, rekaan, pengilangan dan pembelian produk baru dan teknik baru, kita mesti memeriksa hak harta intelek pihak lain secara bersesuaian, dan berusaha untuk mengelak masalah seperti litigasi.
- Kita tidak boleh mendapatkan maklumat rahsia pihak lain dan menggunakanannya dengan cara tidak wajar.



Pengurusan Maklumat serta Laporan Kewangan yang betul

Penjelasan

- Maklumat yang dikumpulkan dan diperolehi dari bisnes tidak boleh didedahkan kepada pihak ketiga tanpa membuat permohonan dan mendapatkan kebenaran yang diperlukan. Tidak dikecualikan maklumat yang didapati secara tidak langsung. Kita mesti mengelak dari berkongsi maklumat seperti ini tidak mengira sama ada di dalam syarikat induk Kokuyo maupun di dalam anak syarikat. Maklumat yang sangat penting mesti diambil langkah perlindungan, seperti penetapan kata laluan bagi maklumat digital, dan pengendalian berkunci bagi maklumat di atas kertas.
- Maklumat berkaitan kegiatan bisnes mesti direkodkan dengan jujur dan tepat berdasarkan undang-undang dan peraturan dalam syarikat serta fakta. Pemalsuan, pengubahaui dan penyembunyian adalah dilarang, walaupun kandungan boleh menjelaskan syarikat atau individu.
- Dengan menyedari bahawa semua kegiatan bisnes pada akhirnya berhubung dengan penjualan dan keuntungan Kumpulan Kokuyo serta keseluruhan setiap syarikat, untuk mendedahkan maklumat kewangan yang tepat, pengurusan perakaunan seperti perangkuman pembelian dan pembekalan, pengurusan perbelanjaan dan pembayaran, serta rekod buku akaun dan slip jualan mesti dijalankan dengan tepat dengan berdasarkan undang-undang dan peraturan dalam syarikat serta berdasarkan fakta.
- Bagi mengelakkan kerugian kepada Kumpulan Kokuyo, tanpa kebenaran bahagian bertanggungjawab, pendedahan maklumat yang berkaitan dengan bisnes syarikat, berhubungan dengan media massa secara peribadi dan menjawab soalan adalah tidak dibenarkan. Maklumat berkaitan prestasi yang belum diumumkan, maklumat yang belum diumumkan bagi Kumpulan Kokuyo, pihak klien, pihak berunding, dan pihak pelanggan yang didapati dari bisnes, maklumat berkaitan produk dan perkhidmatan yang belum diumumkan, serta maklumat rahsia seperti maklumat teknikal adalah dilarang untuk disampaikan atau ditulis kepada mana-mana media.

Sambil kita membuat rekod syarikat dengan jujur dan tepat, sebagai respon kepada tahap kepentingan maklumat yang dikumpulkan atau diperolehi dari bisnes, maklumat itu perlu diuruskan dan dilaporkan dengan betul.

Kita mematuhi undang-undang dan peraturan dalam syarikat berkenaan kewangan, perakaunan dan percukaian ketika melakukan pengurusan akaun dan laporan kewangan.



Larangan Konflik Kepentingan

Kita tidak boleh melakukan perbuatan yang membawa konflik kepentingan antara keuntungan syarikat dan peribadi, atau perbuatan yang berkemungkinan menyebabkan perkara itu. Sekiranya ada kerisauan konflik kepentingan, kita mesti melaporkan perkara itu dan berbincang dengan orang atasan kita.

Penjelasan

- Kita dikehendaki untuk melaksanakan bekerja di syarikat dengan jujur, dan kita hendaklah mengambil tindakan terbaik untuk keuntungan syarikat. Sekiranya terdapat konflik antara keuntungan syarikat dan peribadi, ataupun terdapat kerisauan bahawa ada kemungkinan walaupun kecil bahawa kelakuan kita akan membawa kepada perkara sedemikian, silalah laporkan dan berbincang tentang perkara itu dengan orang atasan anda.

⟨Contoh Kemungkinan Kerisauan Kelakuan Konflik Kepentingan⟩

- Berkhidmat sebagai pegawai syarikat di luar Kumpulan Kokuyo secara peribadi, ataupun mengikat kontrak penggajian sebagai pekerja syarikat berkenaan.
- Menjalankan urusniaga yang bersaing dengan Kumpulan Kokuyo secara peribadi, atau mempunyai perkaitan dengan urusniaga itu
- Menjadi klien urusniaga Kumpulan Kokuyo sama ada diri sendiri, keluarga, saudara-mara, atau rakan, atau menjadi wakil bagi salah satu daripadanya



Larangan Perdagangan Orang Dalam

Untuk urusan yang berkaitan dengan jual beli saham Kumpulan Kokuyo dan syarikat lain , kita tidak boleh terlibat dengan aktiviti pemedagangan dalaman atau perkara yang menjurus kepadanya.

Penjelasan

- Perdagangan orang dalam secara amnya ialah merujuk kepada "perkara di mana pegawai yang mengetahui maklumat dalaman yang penting sebelum pengumumannya oleh syarikat dari pekerjaannya ✖ berjual beli saham syarikat sebelum maklumat itu diumumkan". Larangan jual beli saham ini juga terpakai kepada keluarga dan rakan orang yang memperolehi maklumat penting tersebut.
✖ Ahli lembaga pengarah, auditor, pegawai eksekutif, penasihat, pekerja (pekerja tetap, pekerja kontrak, pekerja komisyen, pekerja sementara, pekerja separuh masa, pekerja lain-lain)
- Perdagangan orang dalaman menyebabkan ketidakadilan untuk para pelabur, jadi sekiranya pegawai Kumpulan Kokuyo mendapat tahu atas kedudukan mereka, atau mengetahui maklumat penting berkaitan dengan kerja mereka sendiri, sehingga maklumat itu diumumkan, mereka dilarang melakukan jual beli saham syarikat. Memberitahu "maklumat dalaman penting yang belum diumumkan" kepada pihak ketiga, atau mengesyorkan jual beli saham kepada orang lain berdasarkan maklumat itu juga boleh dianggap sebagai kesalahan. Jadi adalah perlu untuk berhati-hati termasuk ke atas perbuatan yang mengelirukan. Ketika benar-benar berjual beli, sila ikuti peraturan yang ditetapkan undang-undang serta mematuhi "Peraturan Pencegahan Perdagangan Orang Dalam Kumpulan Kokuyo". Sila patuhi juga peraturan dalaman syarikat bagi setiap syarikat sekiranya ada.

⟨Contoh Maklumat Dalaman Penting Yang Belum Diumumkan⟩

- Maklumat kewangan
- Maklumat penyelidikan dan pembangunan seperti teknologi baru
- Permulaan projek baru dan penarikan diri dari projek
- Pengeluaran saham serta pemerolehan, pembelian dan pemindahan
- Kerugian dan pengecualian liabiliti yang berlaku dalam perjalanan perlaksanaan operasi

⟨Syarikat Sasaran⟩

- Bukan sahaja setiap syarikat Kumpulan Kokuyo, bahkan syarikat klien dan rakan rundingan serta syarikat pelanggan juga disasarkan.




Pengurusan Hiburan dan Bertukar-tukar Hadiah yang Wajar

Kita sudah semestinya tidak melakukan perbuatan rasuah kepada pegawai organisasi awam dan orang politik, dan juga tidak melanggar undang-undang dan peraturan dalaman syarikat ataupun memberi hiburan dan hadiah yang lari dari kebiasaan bisnes.

Kita tidak menerima hiburan dan hadiah yang melanggar undang-undang dan peraturan dalaman syarikat atau yang lari dari kebiasaan bisnes.

Penjelasan

- Di kebanyakan negara, hiburan dan hadiah kepada ahli politik dan pegawai kerajaan adalah dihadkan oleh undang-undang, dan sebagai tambahan kepada itu, semakin banyak negara yang menetapkan bahawa hiburan dan hadiah kepada syarikat swasta juga, bergantung kepada keadaan, boleh dianggap sebagai rasuah. Sasaran dan kandungan undang-undang tersebut berbeza-beza mengikut negara, jadi sekiranya terdapat keperluan atas sebab perniagaan, pastikan dengan undang-undang, peraturan dalaman syarikat dan garis panduan setiap syarikat, serta dengan orang atasan dan bahagian yang berkenaan.
- Perbuatan memberi atau menerima hiburan dan hadiah dengan klien mestilah berada dalam batasan yang mematuhi undang-undang, tidak lari daripada batasan kebiasaan bisnes amnya, dan dalam batasan yang tidak mendatangkan keraguan masyarakat. Juga, usahakan untuk memaklumkan kepada pihak klien untuk tidak memberi hiburan atau hadiah yang melebihi batasan kebiasaan bisnes amnya, dan tidak mendatangkan keraguan masyarakat sebelum melakukan yang sedemikian.
- Hiburan dan hadiah dalam Kumpulan Kokuyo adalah dilarang di sisi peraturan.



Reaksi Terhadap Tuntutan Yang Tidak Wajar Dari Luar

Kita tidak akan melayan sama sekali tuntutan yang tidak wajar dari luar.

Penjelasan

- Jangan sekali-kali membalas tuntutan ekonomi yang tidak wajar dari luar (duit dan barang, langganan majalah, penyertaan kumpulan).
- Kita dilarang sama sekali daripada berhubungan atau berurusan dengan kegiatan atau kuasa yang mengancam keharmonian dan keselamatan masyarakat, merosakkan kegiatan ekonomi serta bersifat anti-masyarakat.
- Kita tidak boleh menyerah kepada ancaman, gertakan atau peras ugut dari luar. Sekiranya menjadi mangsa kelakuan tersebut, jangan cuba uruskan atau selesaikan dengan sendiri, sebaliknya laporkan kepada orang atasan atau bahagian yang berkenaan dengan segera, dan dapatkan arahan tentang cara mengendalikannya.